

20/06/2002

Kajian siswazah Melayu menganggur siap Julai

KUALA LUMPUR, Rabu - Kajian mengenai masalah siswazah menganggur di kalangan masyarakat Bumiputera, khususnya Melayu yang sedang dijalankan oleh tiga pihak, dijangka siap akhir bulan depan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kajian itu dijalankan oleh kerajaan melalui Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Majlis Perundingan Pelajar Negara (MPPN) dan pihak majikan swasta Bumiputera.

"Saya anggap masalah ini serius dan apabila kajian itu siap nanti, kita dapat kenal pasti apa punca sebenar. Dari situ, kita akan tengok bagaimana menangani masalah ini," katanya pada majlis dialog dengan wakil 33 Kelab Umno luar negara pada majlis jamuan tengah hari di restoran Riverside, PWTC hari ini.

Mengenai masalah Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata ia amat menyedihkan lebih-lebih lagi apabila beberapa kerat golongan profesional Melayu turut terbabit.

Katanya, anggota KMM cuba mewujudkan negara Islam di rantau ini membabitkan Malaysia, Indonesia dan selatan Filipina, dan sanggup mengambil tindakan nekad bagi mencapai impian ke arah itu.

"Golongan ini terpengaruh dengan ajaran perjuangan sesat, bukan ajaran sesat Islam seperti akidah, tetapi sesuatu ajaran yang sesat dalam perjuangan itu sendiri.

"Pelajar harus sedar mengenai tindak-tanduk mereka ini. Pelajar perlu mengetahui perkembangan semasa di dalam dan luar negara supaya sebarang kejadian yang berlaku itu, kita ambil iktibar," katanya.

Abdullah berkata, sebagai generasi yang bakal mewarisi kepemimpinan negara, pelajar hendaklah menghindarkan diri daripada dipengaruhi ajaran seperti itu dan jika timbul sebarang masalah, ia hendaklah dibawa ke pengetahuan pihak berkuasa untuk dibincang serta ditangani sebaik mungkin.

Katanya, pelajar perlu kepada kekuatan mental dengan dibekalkan ilmu pengetahuan bagi menghadapi semua cabaran sama ada pada peringkat sejagat atau dalam negara.

Beliau berkata, negara digegarkan dengan dua krisis ekonomi yang besar sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) iaitu kemeleketan ekonomi pada awal 1980-an dan kegawatan ekonomi pada 1997.

"Walaupun krisis ekonomi di luar kawalan kerajaan, ia memporak peranda ekonomi kita. Tetapi kita membuktikan kepada seluruh dunia keupayaan Malaysia di bawah pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menangani kemelut itu.

"Kita tunjukkan kepada dunia kebijaksanaan Dr Mahathir mencari jalan penyelesaian terbaik menangani krisis ekonomi. Tetapi orang Pas kata, sesiapa saja jadi pemimpin mesti buat keputusan seperti itu kononnya mereka juga boleh jika diberi peluang memimpin negara," katanya.

Menjawab soalan lain daripada pelajar, beliau berkata, pendekatan polis sekarang adalah mesra rakyat dan tugas untuk membanteras jenayah memerlukan kerjasama semua pihak.

Katanya, ini kerana kebanyakan masalah jenayah itu timbul daripada masyarakat itu sendiri dan semua orang perlu bekerjasama untuk mengurangkan kegiatan jenayah, termasuk di sekolah.

Pada sidang akhbar selepas menemui pembawa usul pada Perhimpunan Agung Umno esok, Abdullah berkata, isu kedegilan kerajaan Pas Terengganu melaksanakan undang-undang jenayah syariah di negeri itu belum dilihat

sebagai sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara.

Bagaimanapun, katanya, beliau percaya ada perwakilan Umno yang menyentuh isu itu ketika perbincangan usul agama.

"Belum sampai masa kita membuat kesimpulan bahawa ia akan mengancam keselamatan negara," katanya sambil menambah isu itu tidak semestinya dibangkitkan.

Semalam, Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan mengkaji kuasanya untuk menghalang kerajaan Pas Terengganu daripada melaksanakan undang-undang tidak adil dan bukan berlandaskan hukum Islam sebenar.

Perdana Menteri yang menyifatkan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) Kerajaan Terengganu itu sebagai tidak Islam, berkata kerajaan akan menghalang pelaksanaannya jika ia mempunyai kuasa untuk berbuat demikian.

Abdullah berkata, kerajaan tetap dengan keputusan untuk menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik tetapi memberi jaminan pelaksanaannya akan diperhalusi sebaik mungkin.

Katanya, kerajaan sudah bersiap sedia untuk menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit.

"Kerajaan ada perancangan dan kita mahu pelaksanaannya nanti tidak menimbulkan masalah besar. Kita akui memang akan timbul sedikit sebanyak masalah.

"Antaranya ialah sama ada cukup jumlah guru yang boleh mengajar dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris, buku teks dan kemudahan lain di sekolah," katanya ketika menjawab soalan wakil kelab Umno Luar Negara.

Abdullah berkata, butiran lanjut mengenai dasar itu sedang dirangka oleh Kementerian Pendidikan.

Katanya, memang wujud kebimbangan di kalangan ibu bapa kerana khuatir anak Melayu teraniaya oleh dasar itu. Bagaimanapun, tidak benar dakwaan kononnya pelajar Melayu tidak mampu menguasai mata pelajaran sains dan matematik.

Beliau juga berkata, masyarakat Melayu perlu mengubah minda supaya tidak terlalu mengharap bantuan dan subsidi.

"Kalau kita sentiasa dibantu, diberi subsidi, diberi tongkat...tetapi tidak pernah diajar bagaimana menangkap ikan (berusaha sendiri), maka kita akan jadi lemah. Kita mesti mewujudkan persekitaran yang boleh menyedarkan orang Melayu supaya sanggup bersaing," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata, generasi muda harus terus bersama Umno yang benar-benar memperjuangkan nasib bangsa dan negara, bukan parti pembangkang seperti Pas.

Katanya, dengan penyertaan pelajar dalam Kelab Umno, secara langsung mereka turut bersama dalam perjuangan Umno dan usaha perlu dibuat untuk mendapatkan lebih ramai lagi pelajar menyertai parti itu.

"Sudah nyata anda semua menerima Umno pada peringkat ini. Saya harap anda tidak mengubah fikiran. Kamu semua adalah bakal mewarisi kepemimpinan negara. Jangan terikut-ikut dengan pembangkang yang menyalahkan apa saja yang dibuat kerajaan, semua tak betul.

"Itu adalah budaya pembangkang. Saya berharap generasi muda akan terus bersama Umno kerana menyertai Pas adalah satu keputusan yang tidak baik," katanya.

Pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan pembawa usul pada perhimpunan itu, esok, Abdullah berkata, beliau menegaskan kepada mereka supaya memahami usul serta menumpukan perbincangan kepada perkara atau dasar tanpa menyerang mana-mana pemimpin yang bertanggungjawab.

Mengambil contoh isu pendidikan, beliau berkata, adalah tidak adil jika perwakilan menghalalkan serangan terhadap menteri berkenaan kerana segala keputusan kerajaan adalah dibuat secara bersama oleh anggota Kabinet dan Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Yang hendak difikir dan dibincangkan ialah idea, bukan mengenai orang tertentu. Perwakilan mesti memahami bahawa dalam pendidikan umpamanya, sesuatu keputusan itu dibuat di peringkat jemaah menteri dan juga dibincangkan dalam MT Umno.

"Ia juga sudah dipersetujui sebagaimana yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat hari itu. Oleh itu tidak wajar kalau ucapan itu ditujukan sebagai serangan peribadi kepada mana-mana pemimpin tertentu dalam Umno," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perwakilan tidak ditegah menyatakan pandangan, idea atau kritikan bagaimana keputusan atau dasar itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Katanya, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, akan menjawab segala isu pendidikan yang ditimbulkan perwakilan.

(END)